

NAM disaran bersatu tangani isu

16/06/04 ms d UM.

KUALA LUMPUR 15 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) perlu memberi perhatian seimbang dalam menangani isu yang sedang melanda negara membangun.

Perdana Menteri berkata, perhatian tersebut termasuk memikirkan kesan globalisasi terhadap negara membangun, sistem ekonomi antarabangsa yang tidak seimbang, keperluan untuk mengubah sistem struktur kewangan dan penyelesaian hutang luaran.

Pada masa yang sama, kata beliau, NAM juga perlu mahir berhadapan dengan kesan teknologi maklumat dan komunikasi, menghapuskan kemiskinan dan mencari jalan penyelesaian dalam mengukuhkan kerjasama Selatan-Selatan.

Justeru, tegas Abdullah, badan bukan

kerajaan seperti Majlis Perniagaan NAM yang dilancarkan hari ini boleh memainkan peranan untuk menjana dan memberikan pandangan kepada anggota-anggota NAM mengenai perkara itu.

“Pada masa yang sama ia juga (Majlis Perniagaan NAM) boleh memantau trend perniagaan global dan mengingatkan kerajaan mengenai isu-isu kritikal dalam arena antarabangsa,” katanya dalam ucapan pada Pelancaran Majlis Perniagaan NAM di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak. Malaysia kini merupakan Pengerusi NAM.

Perdana Menteri menambah, penyuburan NAM perlu bersandarkan kepada agenda pembangunan yang kuat dan menyeluruh.

“Ini termasuk keperluan untuk memahami globalisasi supaya ekuiti dan keadilan bersama boleh dicetuskan dalam sistem ekonomi antarabangsa,” katanya.

Beliau menegaskan, negara-negara membangun yang membabitkan anggota NAM tidak mempunyai pilihan melainkan bersatu dalam proses globalisasi.

Abdullah berkata, negara NAM yang telah berjaya menangani beberapa isu antarabangsa sebelum ini boleh meneruskan perjuangan bagi mewujudkan hubungan ekonomi yang berlainan untuk masa depan.

“Apa yang diperlukan adalah komitmen semua anggota NAM untuk merealisasi hasrat itu.

“Adalah tidak realistik sekiranya kita hanya bergantung kepada pihak lain untuk melindungi dan mempromosi peranan dan

kepentingan NAM atau keinginan negara Selatan,” katanya.

Tegas beliau, NAM perlu bergabung tenaga dengan pertubuhan antarabangsa yang relevan seperti Kumpulan 77 dan pertubuhan perdagangan dunia dengan bekerja melalui proses multilateral.

Perdana Menteri menambah, para penyelidik negara-negara NAM, ahli perniagaan dan pihak institusi kewangan berte-rusan mengadakan perbincangan, menandatangani kontrak perniagaan dan lain-lain dengan Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah.

Bagaimanapun, katanya, jarang sekali anggota-anggota NAM bertukar-tukar maklumat sesama mereka untuk perkara yang sama.

“Walhal, kita semua telah mengetahui bahawa 120 anggota NAM yang mewakili

dua pertiga penduduk dunia, mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan dalam tahun 1990-an berbanding tahun 1970-an,” katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi kebanyakan negara membangun pendapatan per kapita mereka telah menurun yang mengakibatkan peningkatan pengangguran dan jurang pendapatan yang luas.

Majlis Perniagaan NAM diketuai oleh Presiden Persatuan Selatan-Selatan Malaysia, Tan Sri Azman Hashim sebagai Presiden manakala jawatan Naib Presiden pula disandang oleh Jose Concepcion iaitu bekas Presiden, Dewan Perdagangan dan Industri Filipina.

Dalam pada itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Pengerusi Panel Penasihat Antarabangsa majlis perniagaan berkenaan.

Setiausaha Agung majlis itu ialah Datuk Michael Yeoh.